



HELAIAN DATA KESELAMATAN

1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Pengenalpasti Produk: INDALLOY 256 (SAC305) (96.5Sn/3Ag/0.5Cu)

Nombor SDS: SDS-4207

Tarikh Dikemaskini: 10 NOVEMBER 2020

Kegunaan Produk: Kegunaan Industri – Campuran – Campuran Logam Alooi

PENGELUAR:

Di Amerika:

The Indium Corporation of America®
34 Robinson Rd., Clinton, New York 13323
Maklumat: (315) 853-4900

TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 hrs.
AS: 1 (800) 424-9300
Di Luar AS: +1 (703) 527-3887
China Emergency: +86 4001-204937

Di Eropah:

Indium Corporation of America® (European Operations)
7 Newmarket Ct.
Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG
Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di China:

Indium Corporation (Suzhou), Co., Ltd.
No. 428 Xinglong Street
Suzhou Industrial Park
Suchun Industrial Square
Unit No. 14-C
Jiangsu Province, China 215126
Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

Indium Corporation of America
Asia-Pacific Operations-Singapore
29 Kian Teck Avenue
Singapore 628908
Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALAN BAHAYA

LALUAN MASUK UTAMA:

X Mata

X Penyedutan

X Kulit

X Oral

 NTP IARC

OSHA

X Tidak Disenaraikan

Karsinogen disenaraikan dalam

GHS:

Tiada pictogram

Tiada pernyataan bahaya - tiada kesan ketara yang diketahui

Logam timah tidak dikelaskan sebagai memudaratkan atau berbahaya.

Pernyataan(-pernyataan) berjaga-jaga

P233 Pastikan bekas ditutup rapat

P261 Elakkan daripada tersedut habuk/wasap/gas/kabus/wap/semburan

P270 Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini

P273 Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran

P280 Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perindungan mata/perindungan muka

P362 + P364 Tanggalkan pakaian yang tercemar dan basuh sebelum digunakan semula

P301 + P314 JIKA TERTELAN: Dapatkan nasihat/rawatan Perubatan jika anda rasa tidak sihat

P302 + P352 JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak

P304 + 341 JIKA TERHIDU: Sekiranya sukar bernafas, bawa mangsa ke udara segar dan biarkan berehat dalam keadaan selesa untuk bernafas

P305 + 351 JIKA TERKENA MATA: Bilas secara berterusan dengan air selama beberapa minit (15 mins)

P501 Lupus mengikut peraturan tempatan/ negeri dan persekutuan yang diguna pakai. Pertimbangkan untuk mengitar semula.

KESAN-KESAN KESIHATAN BERPOTENSI:

Terkena Mata: Perengsa mekanikal. Terkena aloi logam atau asap bertenaga dari logam lebur boleh menyebabkan kerengsaan. Kerosakan mata yang teruk boleh disebabkan oleh logam cair panas yang terpercik ke dalam mata.

Oral: Secara amnya tidak dianggap toksik, tetapi sejumlah besar boleh menyebabkan gangguan gastrousus kerana kerengsaan setempat.

Penyedutan: Debu boleh menyebabkan kerengsaan pada saluran pernafasan dan membran mukus.

Terkena Kulit: Perengsa mekanikal jika tersentuh tidak dapat diserap melalui kulit. Logam lebur panas boleh menyebabkan luka bakar pada kulit.

Kronik: Penyedutan yang berpanjangan boleh menyebabkan pneumokoniosis, menyebabkan perubahan distingtif di dalam paru-paru tanpa kecacatan jelas atau komplikasi..

Perak – sentuhan kulit yang kronik atau tertelan habuk, garam atau asap perak boleh mengakibatkan keadaan yang dikenali sebagai Argyria, keadaan dengan pigmentasi kebiruan pada kulit dan mata.

Timah – Penyedutan habuk atau asap yang berpanjangan boleh menyebabkan kerengsaan paru-paru.

Tembaga – Pengambilan berulang kali boleh merosakkan hati dan ginjal.

Nota: The Indium Corporation tidak mengesyorkan, mengilang, memasarkan atau mengendors produknya untuk kegunaan manusia.

Campuran logam pepejal tidak menimbulkan bahaya dalam bentuk asalnya.



AMARAN: Produk ini boleh mendedahkan anda kepada bahan kimia termasuk [jumlah surih plumbum] di mana yang diketahui oleh Negeri California sebagai penyebab kanser, dan kecacatan semasa lahir dan kemudaratan pembiakan yang lain. Untuk maklumat lanjut layari www.P65Warnings.ca.gov

2. KOMPOSISI / MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Komponen	% wt	CAS Registry #/EINECS#	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
TIMAH	96.5	7440-31-5/231-141-8			
		(AS)	2	2	-
		(EU)	-	2	4
		(Kanada)	-	2	4
		(Singapura)	2	-	-
PERAK	3	7440-22-4/231-131-3			
		(AS)	0.01	0.1	-
		(EU)	-	0.1	-
		(Kanada)	-	0.1	0.3
		(Mexico)	-	0.1	-
(Singapura)	0.1	-	-		
TEMBAGA	0.5	7440-50-8/231-159-6			
		(AS)	0.1	0.2	-
		(EU)	-	0.2(wasap)	2(habuk)
		(Kanada)	-	0.2	0.6
		(Mexico)	-	0.2	2
		(Singapura)	0.2 (wasap)	1 (habuk)	-
(China)	-	1(habuk)	2.5(habuk)		
		-	0.2(wasap)	0.6(wasap)	

N.E. = Tidak Ditetapkan

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN KECEMASAN

Terkena Mata: Angkat kelopak mata dan bilas mata dengan air suam sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan bantuan perubatan jika kerengsaan berlaku.

Pengingesan: Jika pesakit sedar, HANYA cetuskan muntah seperti yang diarahkan oleh kakitangan terlatih. JANGAN memberi apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penyedutan: Pindahkan ke kawasan berudara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan pemulihan atau oksigen oleh kakitangan terlatih. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Terkena Kulit: Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terjejas dengan sabun dan air. Basuh pakaian sebelum dipakai semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM API

Takat Kilat: Belum ditetapkan. **Kaedah:** Belum ditetapkan.

Suhu Auto-Pencucuhan: Tidak berkenaan

Had Kebolehbakaran: Debu dan serbuk halus boleh menjadi bahaya letupan yang berpotensi.

Bahan Pemadam Api: Gunakan alat pemadam yang sesuai bagi keadaan persekitaran kebakaran. Gunakan pasir kering, natrium klorida, atau dolomit. Alat pemadam air, A/B/C dan agen halogen adalah tidak digalakkan.

Prosedur Memadam Api Khas: Ahli bomba harus memakai alat pernafasan serba lengkap dan pakaian perlindungan yang lengkap yang diluluskan.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TAK SENGAJA

Prosedur untuk Tumpahan atau Kebocoran: Pakai alat pernafasan dan pakaian pelindung diri yang lain. (Lihat Bahagian Kawalan Pendedahan/Bahagian Perlindungan Diri). Padamkan atau buang semua sumber pencucuhan. Udarakan Kawasan. Bersihkan tumpahan tanpa menghasilkan atau menyebarkan habuk ke udara. Sedut pepejal dengan penyedut habuk dan bukannya menyapu menggunakan unit yang dibumikan. Kurangkan habuk udara dan cegah penyerakan dengan membasahinya dengan air. Masukkan bahan tumpahan di dalam bekas dan lupuskan mengikut peraturan-peraturan yang diguna pakai.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

Langkah Berjaga-jaga Pengendalian: Elakkan menghirup wap dari bahan yang dipanaskan dan habuk daripada memotong atau mengisar. Elakkan terkena mata, kulit dan pakaian semasa menjalankan tugas-tugas ini. Ikuti prosedur pengendalian selamat yang rutin. Guna dengan pengudaraan yang cukup. Pengendalian logam pepejal secara normal tidak menimbulkan bahaya.

Langkah-langkah Penyimpanan: Jauhkan dari panas dan api. Simpan di dalam bekas yang sesuai, tertutup rapat, dan berlabel di kawasan kering yang sejuk dan mempunyai pengudaraan baik. Bekas-bekas kosong mungkin berbahaya kerana ia mengandungi sisa produk.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

Kawalan Kejuruteraan: Pengudaraan ekzos setempat atau pengudaraan sumber titik disyorkan untuk mengawal sebarang pencemaran udara atau kemungkinan pendedahan semasa melakukan tugas tertentu. Kekalkan pendedahan di bawah had peraturan.

Perlindungan diri:

Mata: Cermin mata/gogel keselamatan bahan kimia. Pelindung muka disyorkan semasa mengendalikan logam cair.

Alat Pernafasan: Alat pernafasan pembersih udara NIOSH atau diluluskan EU bertanda CE dengan kartrij asap/habuk disyorkan dalam keadaan tertentu di mana kepekatan dalam udara dijangka akan meningkat.

Amaran: Alat pernafasan pembersih udara tidak melindungi pekerja di tempat yang kurang oksigen.

Kulit: Pakai sarung tangan pelindung. Sarung tangan panas untuk mengendalikan logam lebur.

Lain-lain: Pancuran mata/mandian di tempat kerja. Elakkan penggunaan kanta lekap di kawasan berasap dan berhabuk yang tinggi.

Amalan-amalan Mengekalkan pengemasan yang baik. Segera bersihkan tumpahan. Kebersihan diri yang baik sangat penting.

Elakkan daripada makan, merokok atau minum di kawasan tempat kerja. Basuh tangan dengan sabun dan air sertamerta selepas meninggalkan kawasan kerja.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa:	Pejal - logam	Takat Didih:	Belum didapati
Bau:	Tiada bau	Takat Lebur:	423F
Graviti Tertentu:	7.35	pH:	Tidak berkenaan
Tekanan Wap:	Belum didapati	Keterlarutan dalam Air:	Tidak larut
Ketumpatan Wap:	(air=1) Tidak berkenaan.		

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Umum:	Stabil.
Kedadaan-keadaan untuk Dielakkan:	Sumber panas, api, pencucuhan
Bahan tidak Serasi:	Halogen, sulfur and beberapa asid
Penguraian / Pembakaran Berbahaya:	None
Pempolimeran Berbahaya:	Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan:	NTP (Program Ketoksikan Kebangsaan):	No	
	OSHA (Pentadbiran Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan):	No	
	IARC (Agensi Antarabangsa Penyelidikan Kanser):	No	
LD50:	Tidak ditetapkan.	LC50:	Tidak ditetapkan.

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Tidak ada maklumat tersedia untuk campuran tersebut.

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Prosedur Pelupusan Sisa: Skrap aloi logam biasanya mempunyai nilai. Hubungi pusat pengumpulan sisa untuk kitar semula. Jika tidak, lupuskan mengikut semua peraturan alam sekitar Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Di Eropah patuhi Peraturan-Peraturan Bahan Lupus Khas.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Angkut mengikut peraturan dan syarat antarabangsa yang berkaitan Tidak dikawal selia di bawah US DOT (Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat).

Bahan bukan - berbahaya.

